

**SOALAN NO: 173**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: YB DR. TAN SENG GIAW**

**SOALAN:**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta MENTERI SUMBER  
MANUSIA menyatakan langkah-langkah dirangka untuk  
pembangunan sumber manusia negara.**

**PR-1351-T00187**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, agenda Negara dalam pembangunan modal insane bagi tempoh 2016 – 2020 telah diperjelaskan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11). Dalam usaha menghasilkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran bertaraf dunia bagi mencapai status Negara berpendapatan tinggi, kerajaan member penumpuan kepada empat bidang berikut:

Pertama: Menambah baik kecekapan pasaran buruh bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi

2. Dalam usaha Kerajaan menambahbaik kecekapan pasaran buruh bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang cekap dan fleksibel, adalah penting bagi memastikan penawaran modal insan berkemahiran yang sepadan dengan permintaan industri, meminimumkan kemahiran yang kurang digunakan dan membolehkan pertumbuhan mampan dan inklusif. Bagi tujuan ini, Kerajaan menyasarkan untuk menambah baik kecekapan dan operasi pasaran buruh menerusi tiga strategi utama iaitu menambah baik produktiviti buruh dan gaji melalui peralihan kepada pekerja berkemahiran tinggi, mempertingkatkan operasi pasaran buruh bagi memaksimumkan kecekapan dan keberkesanan serta menambah baik pengurusan pekerja asing.

### Kedua: Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri

3. Berdasarkan kepada RMKe-11, sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan dan 60 peratus daripadanya memerlukan kelayakan berkaitan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Berbagai strategi telah digariskan dalam RMKe-11 bagi memenuhi keperluan tenaga Negara dan seterusnya menyokong pencapaian sasaran penghasilan 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan ini, pembangunan sumber manusia negara seharusnya menjurus kepada bidang TVET bagi menghasilkan modal insan berkemahiran bertaraf dunia yang diperlukan Malaysia dalam fasa terakhir untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.

### Ketiga: Memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran

4. Pembelajaran sepanjang hayat adalah penting bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapat latihan semula kemahiran dan peningkatan kemahiran secara berterusan untuk memenuhi perubahan permintaan pasaran buruh. Aspirasi ini dapat dicapai menerusi dua strategi utama iaitu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan menambah baik peraturan dan bantuan pembiayaan untuk meluaskan akses.

Keempat: Menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi

5. Selain itu, bagi menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi, pendekatan bersepadu termasuk mempertingkatkan kualiti guru dan kakitangan akademik, memberikan autonomi kepada Institusi Pengajian Tinggi dan sekolah serta penggunaan sumber awam yang lebih cekap. Strategi yang digariskan dalam RMKe-11 merangkumi peringkat pra-sekolah sehingga lepasan menengah dan seterusnya pendidikan tinggi.

6. Kementerian Sumber Manusia (KSM) memainkan peranan dalam menentukan halatuju Negara daripada aspek perburuhan serta pembangunan modal insane berkemahiran tinggi. Ini adalah selaras dengan visi Kementerian ini sebagai peneraju pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**SOALAN : 174**

**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pergerakan penumpang lapangan terbang di bawah kendalian Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) bagi penumpang domestik dan penumpang antarabangsa mengikut negeri pada 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016

## JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Jumlah penumpang domestik dan antarabangsa bagi tahun 2012 – 2016 di bawah kendalian Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) adalah seperti jadual berikut:

### Penumpang Antarabangsa

Lapangan Terbang	Tahun				
	2016	2015	2014	2013	2012
<b>KLIA</b>	37,182,089	34,759,427	34,796,252	32,958,854	27,986,215
<b>Penang</b>	2,833,293	2,524,449	2,571,227	2,424,800	2,326,725
<b>Kota Kinabalu</b>	2,106,015	1,662,200	1,634,469	1,696,108	1,308,271
<b>Kuching</b>	304,473	298,216	333,938	406,763	427,449
<b>Langkawi</b>	246,181	176,920	172,204	155,176	129,021
<b>Kota Bharu</b>	0	0	17,981	7,431	4,650
<b>Kuala Terengganu</b>	0	3,477	16,269	5,471	3,679
<b>Alor Setar</b>	578	2,225	2,785	2,800	0
<b>Melaka</b>	33,062	21,770	8,125	21,637	30,699
<b>Subang</b>	252,545	305,898	363,301	337,997	322,803
<b>Kuantan</b>	35,717	39,619	41,939	40,834	31,855
<b>Ipoh</b>	217,153	164,277	82,089	74,144	72,756
<b>Tioman</b>	0	0	167	17,946	17,315
<b>Pangkor</b>	0	0	0	0	0
<b>Redang</b>	0	0	2,838	10,893	10,635
<b>Labuan</b>	9	37	333	10	4
<b>Lahad Datu</b>	0	0	0	0	0
<b>Sandakan</b>	82	42	376	11	1,519
<b>Tawau</b>	13,814	20,894	23,321	25,379	19,475
<b>Bintulu</b>	0	0	0	0	30

<b>Miri</b>	67,827	65,340	77,301	70,354	71,417
<b>Sibu</b>	0	32	0	0	0
<b>Mulu</b>	0	0	4,622	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>43,292,838</b>	<b>40,044,823</b>	<b>40,149,537</b>	<b>38,256,608</b>	<b>32,764,518</b>

### Penumpang Domestik

Lapangan Terbang	Tahun				
	2016	2015	2014	2013	2012
<b>KLIA</b>	15,461,422	14,178,997	14,134,157	14,539,303	11,901,651
<b>Penang</b>	3,850,733	3,734,307	3,470,356	3,062,951	2,441,090
<b>Kota Kinabalu</b>	5,157,324	4,911,261	5,158,499	5,239,689	4,539,864
<b>Kuching</b>	4,615,204	4,474,237	4,518,884	4,464,273	3,759,074
<b>Langkawi</b>	2,409,090	2,159,257	2,049,793	1,791,264	1,465,085
<b>Kota Bharu</b>	2,062,248	2,063,747	1,782,855	1,577,807	1,254,555
<b>Kuala Terengganu</b>	900,218	853,762	826,382	693,839	547,152
<b>Alor Setar</b>	787,128	716,804	657,479	532,273	433,644
<b>Melaka</b>	25,641	47,940	6,053	0	3,656
<b>Subang</b>	2,582,291	2,753,246	2,399,255	1,521,023	1,119,711
<b>Kuantan</b>	212,040	252,490	272,191	276,606	248,219
<b>Ipoh</b>	52,543	58,329	16,679	176	598
<b>Tioman</b>	0	0	9,050	38,108	42,826
<b>Pangkor</b>	0	0	205	5,791	4,068
<b>Redang</b>	0	0	8,249	25,089	25,325
<b>Labuan</b>	595,281	684,071	789,161	738,759	617,126
<b>Lahad Datu</b>	140,077	143,654	161,230	145,930	142,733
<b>Sandakan</b>	882,729	853,369	899,640	911,844	833,107
<b>Tawau</b>	1,258,101	1,182,898	1,195,295	1,176,965	962,678
<b>Bintulu</b>	805,206	800,008	832,440	779,774	661,523
<b>Miri</b>	2,132,719	2,183,866	2,285,779	2,152,818	1,946,998
<b>Sibu</b>	1,469,341	1,454,328	1,440,935	1,383,887	1,204,267
<b>Mulu</b>	60,074	51,387	56,139	49,432	49,670
<b>Limbang</b>	55,437	58,300	63,870	61,074	57,852

<b>STOL Sabah</b>	7,064	5,309	4,590	5,174	5,970
<b>STOL Sarawak</b>	162,182	163,379	159,300	156,627	162,760
<b>Jumlah</b>	<b>45,684,093</b>	<b>43,784,946</b>	<b>43,198,466</b>	<b>41,330,476</b>	<b>34,431,202</b>